

AKM: Pengunjung jalani pemeriksaan kesihatan, konsultasi percuma KKM

Jun 4, 2022 @ 11:56am



Orang ramai menjalani pemeriksaan kesihatan di reruai KKM pada program Jelajah AKM di Terengganu. - FOTO BERNAMA

KUALA NERUS: Pemeriksaan kesihatan dan konsultasi percuma menjadi antara tarikan pengunjung ke reruai Kementerian Kesihatan (KKM) pada program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) di Terengganu yang berlangsung sejak Khamis lalu hingga hari ini.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr Kasemani Embong, berkata sepanjang tempoh dua hari lalu, seramai 2,321 pengunjung direkodkan hadir ke reruai KKM.

"Seramai 206 petugas membantu pengunjung di sekitar reruai utama, kaunter Sihat Keluarga Malaysia, van pergigian kawasan pameran dan tempat pemeriksaan kesihatan.

"Saya berharap lebih ramai pengunjung akan hadir ke reruai KKM untuk mendapatkan pelbagai informasi berkaitan pendidikan kesihatan serta perkhidmatan lain yang ditawarkan kementerian," katanya kepada Bernama, hari ini.

Antara program diadakan di reruai itu ialah penerangan mengenai Skim Peduli Kesihatan untuk kumpulan B40, panduan lima minit resipi, slot mengenali ubat, 'wellness kick start' dan cabaran membanteras kuman.

Sementara itu, beberapa pengunjung yang ditemui Bernama pula teruja mendapat perkhidmatan pegawai dan kakitangan perubatan tanpa perlu membuat janji temu seperti prosedur biasa di hospital atau klinik KKM.

Pesara kerajaan, Aminah Awang, 67, berkata beliau ke reruai itu bersama suami dan dua anak untuk menjalani pemeriksaan tekanan darah serta kesihatan fizikal dan mental.

"Sempat juga bertanya mengenai perkembangan terkini berkaitan COVID-19. Mereka juga nasihatkan agar warga emas seperti saya terus saja berhati-hati untuk mengelak risiko jangkitan," katanya. – BERNAMA